

BAB
KEDUA

BAB KEDUA

PENGENALAN AL-ZAMAKHSHARIY

2.0 Pendahuluan

Sebelum kita melihat pemikiran-pemikiran nahu al-Zamakhshariy dalam kitab Tafsir al-Kasasyaf, terlebih dahulu elok kita mengetahui secara ringkas tentang riwayat hidup al-Zamakhshariy dan kedudukan beliau dalam aliran pemikiran nahu. Hal ini antara lainnya bertujuan untuk mengetahui sejarah hidup al-Zamakhshariy sehingga beliau dilihat mempunyai pemikiran-pemikiran nahu yang sebahagiannya menimbulkan kontroversi sebagaimana yang akan dijelaskan dalam Bab Keempat dan Kelima nanti.

2.1 Riwayat Hidup Al-Zamakhshariy

Untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang riwayat hidup al-Zamakhshariy, maka antara perkara yang perlu diberi perhatian selain daripada nama, kelahiran dan kematian beliau ialah hal-hal yang berkaitan dengan kehidupan dan perantauan, kelimuan, mazhab, guru-guru dan juga anak-anak murid beliau.

2.1.1 Nama dan Gelarannya

Menurut Ibn Khallikān (T. T. : 5 / 168), nama penuh al-Zamakhshariyy ialah Abū al-Qāsim Maḥmūd bin `Umar bin Muḥammad bin `Umar al-Khuwārizmiyy al-Zamakhshariyy. Menurut al-Suyūṭiyy (T. T. : 388), nama penuh beliau ialah Maḥmūd bin `Umar bin Muḥammad bin Aḥmad al-Zamakhshariyy Abū al-Qāsim Jārullāh, di mana terdapat perbezaan nama bagi datuk yang kedua, iaitu `Umar menurut Ibn Khallikān dan Aḥmad menurut al-Suyūṭiyy.

Melalui keterangan di atas, jelas kepada kita nama sebenar al-Zamakhshariyy ialah Maḥmūd bin `Umar dan gelarannya pula ialah Abū al-Qāsim, al-Zamakhshariyy, al-Khuwārizmiyy dan Jārullāh.

Gelaran al-Zamakhshariyy dan al-Khuwārizmiyy diambil sempena tempat asal beliau, manakala gelaran Jārullāh (Jiran Allah) pula kerana setelah beliau bermusafir ke Mekah, al-Zamakhshariyy telah tinggal berhampiran dengan Mekah dalam suatu tempoh masa yang tertentu semasa beliau mengarang kitab Tafsīr al-Kasasyāf. Selain itu, al-Zamkahshariyy turut digelar Fakhr Khuwārizm yang bermaksud "Kebanggaan Khuwārizm" (al-Suyūṭiyy, T. T. : 388).

2.1.2 Kelahirannya

Al-Zamakhshariy dilahirkan di Zamakhshar, iaitu sebuah kampung yang terletak dalam wilayah Khuwarizm pada hari Rabu, 27 Rejab 467 H (1074 M) pada masa pemerintahan Sultan Jalal al-Dunya Walidayn Maliksyah.

Pada masa itu wilayah Khuwarizm terkenal dengan kemajuan dalam bidang perniagaan dan perindustrian di samping kemajuan dari sudut sastera dan kesenian. Pada masa itu juga, mazhab Muktazilah masih lagi berpengaruh dalam pemikiran masyarakat yang menyebabkan al-Zamakhshariy turut terpengaruh dengan aliran pemikiran tersebut (Mustafa al-Sawiy al-Juwayniy, 1984 : 23).

2.1.3 Kehidupan dan Perantauannya

Dalam hidupnya, al-Zamakhshariy terpaksa bergantung kepada kaki palsu yang diperbuat daripada kayu setelah salah satu daripada kakinya terpaksa dipotong. Oleh itu, semasa berjalan al-Zamakhshariy akan melabuhkan pakaiannya sehingga menutupi kaki berkenaan yang menyebabkan orang-orang pada zaman itu tidak mengetahui perkara sebenar yang dialami oleh al-Zamakhshariy. Mereka hanya menyangka beliau adalah seorang yang tempang sahaja. Terdapat dua riwayat yang menceritakan tentang sebab pemotongan kaki tersebut.

Riwayat yang pertama menceritakan bahawa ketika al-Zamakhshariy sedang merantau di wilayah Khuwarizm, beliau telah dihujani oleh salji yang banyak dan cuaca yang sangat sejuk sehingga menyebabkan beliau terjatuh. Riwayat yang kedua pula menerangkan bahawa setelah al-Zamakhshariy masuk ke kota Baghdad dan bertemu dengan seorang ahli feqah yang bermazhab Hanafi, ahli feqah tersebut telah bertanya kepadanya tentang sebab pemotongan kaki tersebut. Al-Zamakhshariy pun menjawab yang bermaksud :-

"Doa daripada ibuku. Hal ini kerana semasa aku di zaman kanak-kanak dahulu, aku pernah memegang seekor burung dan mengikat kakinya dengan seutas tali. Kemudian, burung itu terlepas daripada peganganku lalu aku mengejamnya sehingga burung tersebut masuk ke dalam satu lubang. Selepas itu, aku menarik burung tersebut sehingga menyebabkan kakinya yang di bahagian ikatan tali tadi terputus. Ibuku merasa sedih dengan peristiwa ini lalu ia berkata yang bermaksud :-

"Semoga Allah memotong bahagian kaki yang paling hujung sebagaimana kamu memotong kakinya (burung)". Apabila aku telah dewasa, aku pun berpindah ke Bukhārā untuk menuntut ilmu. Semasa perpindahan tersebut, aku terjatuh daripada binatang tungganganku sehingga kakiku patah dan terpaksa dipotong" (al-Qiftiy, T. T. : 3 / 268).

Dalam usaha beliau mempelajari ilmu agama dan bahasa Arab, al-Zamakhshariy banyak merantau ke beberapa buah kota termasyhur pada masa itu. Beliau pernah tinggal di Bukhārā, Khurāsān dan Baghdad untuk

beberapa ketika dan pernah menetap di kota Mekah sebanyak dua kali. Pada tahun 512 Hijrah, al-Zamakhshariy telah mengalami sakit yang amat kuat.

Oleh itu, beliau telah berjanji tidak akan lagi mendampingi pihak pemerintah sekiranya beliau sembuh daripada penyakit tersebut. Ini kerana al-Zamakhshariy menganggap dirinya bersifat tamak terhadap kedudukan dan kemewahan yang diperolehi daripada pemerintah.

Selepas itu, beliau merantau ke Baghdad dan kemudiannya menuju ke Mekah untuk menyucikan dirinya daripada dosa-dosa yang telah dilakukan semasa hayatnya, khususnya yang melibatkan ketamakannya terhadap jawatan dan anugerah-anugerah yang telah diterima daripada pihak pemerintah. Pada kali pertama beliau berada di Mekah, beliau telah berkesempatan mempelajari Kitāb Sībawayh daripada 'Alī 'Abdullah bin Ṭalḥat al-Yabiriy. Setelah berada selama dua tahun di Mekah, al-Zamakhshariy pulang semula ke tanah airnya.

Al-Zamakhshariy berhijrah semula ke Mekah pada tahun 526 Hijrah dan berada di sana selama tiga tahun sehingga beliau diberi gelaran "Jārullāh" yang bermaksud "Jiran Allah". Semasa berada di Mekah pada kali yang kedua inilah beliau telah mengarang sebuah kitab tafsir beliau yang masyhur, iaitu al-Kasysyāf (Muṣṭafā al-Ṣāwīy al-Juwayniy, 1984 : 31 - 38).

2.1.4 Keilmuannya

Al-Zamakhshariy terkenal sebagai seorang yang luas dalam bidang keilmuan. Hal ini boleh dilihat melalui kitab-kitab yang dikarang oleh beliau yang meliputi berbagai-bagai disiplin keilmuan seperti ilmu tafsir, hadith, nahu, bahasa, retorik dan sebagainya. Selain al-Kasysyāf - yang menjadi fokus bagi kajian ini - antara kitab yang dikarang oleh beliau adalah seperti berikut :-

- 1) Al-Mufaṣṣal Fī al-Nahw (الْمُفَصَّلُ فِي النَّحْوِ)
- 2) Al-Anmūdhaj Fī al-Nahw (الْأَنْمُودَجُ فِي النَّحْوِ)
- 3) Al-Fāṭiq Fī Gharīb al-Hadīth (الْفَائِقُ فِي غَرِيبِ الْحَدِيثِ)
- 4) Ru'ūs al-Masā'il (رُؤُوسُ الْمَسَائِلِ)
- 5) Asās al-Balāghat (أَسَاسُ الْبَلَاغَةِ)
- 6) Atwāq al-Dhahab (أَطْوَاقُ الذَّهَبِ)

Kitab yang pertama dan kedua di atas berkaitan dengan ilmu nahu. Kitab yang ketiga berkaitan dengan hadith dan kitab yang keempat pula berkaitan dengan ilmu feqah. Kitab beliau "*Asās al-Balāghat*" merupakan sebuah kamus yang menitikberatkan makna-makna perkataan dari sudut retorik; manakala kitab "*Atwāq al-Dhahab*" pula merupakan hasil karangan beliau dalam bidang puisi.

2.1.5 Mazhabnya

Al-Zamakhshariy terkenal sebagai seorang yang kuat berpegang dengan mazhab Muktazilah. Ini jelas terbukti semasa beliau mula-mula menulis kitab Tafsir al-Kasysyaf, iaitu di permulaan kitab tersebut beliau telah menulis seperti berikut :- *الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْقُرْآنَ* yang bermaksud : "*Segala puji bagi Allah yang telah mencipta al-Quran*". Hal ini kerana al-Quran pada pendapat Muktazilah adalah makhluk Allah. Oleh itu, al-Quran seperti juga makhluk-makhluk Allah yang lain bersifat baharu, sedangkan Ahli Sunnat Wal Jamā'at berpendapat al-Quran bersifat qadīm (seditakala).

Menyedari tindakannya ini tidak disenangi oleh kebanyakan orang ramai, al-Zamakhshariy kemudiannya telah mengubah ayat tersebut menjadi seperti berikut :- *الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْقُرْآنَ* yang bermaksud : "*Segala puji bagi Allah yang telah menjadikan al-Quran*". Bagaimanapun, perkataan "*ja'ala*" yang bermaksud "*menjadikan*" menurut pendapat Muktazilah adalah sama ertinya dengan perkataan "*khalafa*" yang bermaksud "*mencipta*".

Berkata Ibn Khallikān (T. T. : 5 / 170) yang bermaksud : "*Saya mendapati banyak naskhah Tafsir al-Kasysyaf telah ditulis seperti berikut, iaitu :-* *الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أُنْزِلَ الْقُرْآنَ* yang bermaksud : "*Segala puji bagi Allah yang telah menurunkan al-Quran*", iaitu sesuai dengan pendapat yang dipersetujui oleh Ahli

Sunnat Wal Jamā'at. Menurut Ibn Khallikān lagi : "Pembetulan perkataan ini telah dilakukan oleh mereka yang terkemudian dari al-Zamakhshariy dan bukannya oleh beliau sendiri".

Selain itu, terdapat juga riwayat yang menerangkan bahawa apabila al-Zamakhshariy pergi ke rumah seorang sahabatnya dan meminta izin untuk masuk ke dalam, beliau telah berkata kepada orang yang menyambutnya (iaitu orang gaji) : "Katakan kepadanya (yakni tuan rumah) Abū al-Qāsim al-Mu'taziliy berada di pintu" (Ibn Khallikān, T. T. : 5 / 170).

Sebutan "al-Mu'taziliy" oleh al-Zamakhshariy di atas membuktikan bahawa beliau bukan sahaja sangat berpegang kuat dengan mazhab Mukta-zilah, malah turut berbangga dengan gelaran tersebut.

Dari sudut mazhab feqah pula, al-Zamakhshariy berpegang dengan mazhab Hanafi dan turut mengarang kitab feqah yang berkaitan dengan mazhab tersebut, iaitu kitab Ḥaqa'iq al-Nu'mān (حَقَائِقُ النُّعْمَانِ). Namun begitu, beliau juga turut mengarang kitab feqah yang berkaitan dengan mazhab Syafie, iaitu kitab Syāfi al-'ilīy (شَافِي الْعِلِّيِّ) (al-Dāwūdīy, 1983 : 2 / 315 dan Yāqūt al-Hamawīy, T. T. : 19 / 134 - 135).

2.1.6 Guru-Gurunya

Al-Zamakhshariy mempelajari sastra daripada Abū al-Ḥasan `Alī bin al-Muẓaffar al-Naysāburiy dan Abū Muḍar al-Aṣbahāniy di samping belajar daripada Abū Sa`ad al-Syaffāniy dan Abū Mansūr al-Ḥārithiy. Gurunya Abū Muḍar al-Aṣbahāniy seorang yang terkenal dalam bidang bahasa dan nahu.

Selain mengajar al-Zamakhshariy, Abū Muḍar juga turut menyumbang bantuan kewangan kepada al-Zamakhshariy ketika beliau ditimpa kesusahan. Selain itu, Abū Muḍar al-Aṣbahāniy juga adalah orang yang bertanggungjawab menyebarkan fahaman Muktazilah di Khuwārizm (al-Suyūtiy, T. T. : 388 dan Ahmad Jamāl, 1990 : 151).

2.1.7 Murid-Muridnya

Selain belajar daripada ulama-ulama yang terkenal, al-Zamakhshariy juga telah berjaya melahirkan pelajar-pelajar yang terkenal dalam bidang bahasa dan nahu. Antara anak murid beliau yang terkenal ialah Abū al-Maḥāsin Ismā`il bin `Abdullah al-Ṭuwayliy, Abū al-Maḥāsin `Abdul Raḥīm bin `Abdullah al-Bazzār, Abū `Umar `Āmir bin al-Ḥasan al-Sammār, Abū Sa`ad Ahmad bin Maḥmūd al-Syāṭṭiy dan Abū Ṭāhir Samān bin `Abdullah al-Faqīh (Ahmad Jamāl, 1990 : 151).

2.1.8 Kematian

Selepas tiga tahun berada di Mekah pada kali yang kedua dan selepas selesai menulis kitab Tafsir al-Kasysyāf, al-Zamakhshariy kembali semula ke tanah airnya dan meninggal dunia di Jurjāniyyat (atau Kurkanj mengikut bahasa penduduk tempatan) dalam wilayah Khuwārizm pada malam Arafah tahun 538 H (1143 M) (al-Qiftiy, T. T. : 3 / 268, Ibn Khallikān, T. T. : 5 / 174 dan Yāqūt al-Hamawiy, 1979 : 4 / 452).

2.2 Aliran-Aliran Nahu Yang Lahir Sebelum dan Semasa

Al-Zamakhshariy

Sebelum kita melihat pemikiran nahu al-Zamakhshariy dalam tafsir al-Kasysyāf, adalah elok jika kita mengetahui secara ringkas aliran-aliran pemikiran nahu yang wujud sebelum al-Zamakhshariy dan juga aliran pemikiran nahu yang diwakili oleh beliau sendiri. Dalam hal ini, terdapat dua aliran pemikiran nahu yang wujud sebelum al-Zamakhshariy, iaitu Aliran Nahu Basrah dan Aliran Nahu Kufah. Manakala, aliran pemikiran nahu yang diwakili oleh al-Zamakhshariy pula ialah Aliran Nahu Baghdad.

2.2.1 Aliran Nahu Basrah

Menurut Maysyāl `Āsī dalam bukunya "*al-Mu`jam al-Mufaṣṣal Fī al-Lughat Wa al-Adab*" (1987 : 2 / 1129) yang bermaksud : "Perbincangan tentang Aliran Nahu Basrah merupakan perbincangan tentang nahu bahasa Arab semenjak pertumbuhannya sehingga ke zaman kita sekarang ini. Dalam hal ini, antara perkara yang tidak diragui ialah bahawa nahu bahasa Arab telah berkembang di Basrah. Ketika Basrah sedang membina menara ilmu nahu, Kufah pada masa itu dan sehingga pertengahan kurun ke-2 Hijrah masih lagi sibuk dengan bentuk-bentuk qira'at al-Quran dan periwayatan puisi serta cerita.

Ulama-ulama Aliran Nahu Basrah telah berusaha menjadikan kaedah-kaedah nahu bahasa Arab sebagai satu kaedah yang tetap lagi meluas. Oleh itu, mereka cenderung untuk menolak dalil-dalil bahasa yang syādh (شاذ - dalil bahasa yang terkeluar daripada kaedah qiyās), iaitu tanpa mengambilnya sebagai asas dalam pembentukan kaedah nahu. Selain itu, mereka juga menolak penghujahan yang menggunakan hadith Nabi s.a.w. kerana mereka mendakwa hadith Nabi s.a.w. harus diriwayatkan dengan makna. Di samping itu, mereka turut meletakkan syarat-syarat yang ketat dalam periwayatan puisi dan ungkapan-ungkapan bahasa.

Justeru itu, mereka akan mengkaji terlebih dahulu setiap dalil bahasa yang diambil daripada orang-orang Arab dan kemudiannya mengkaji pula keadaan-keadaan yang wujud pada dalil bahasa berkenaan. Dalam hal ini, mereka akan mengambil dalil-dalil bahasa yang paling menyeluruh dan meluas sahaja sebagai asas dalam penghujahan kaedah nahu mereka. Oleh itu, apabila terdapat dalil

bahasa yang kurang popular serta tidak merangkumi kaedah-kaedah nahu mereka, mereka akan mengikuti salah satu daripada dua perkara berikut, iaitu :-

- 1) Mentakwilkan dalil bahasa tersebut agar bersesuaian atau bertepatan dengan kaedah nahu mereka.
- 2) Menganggap dalil bahasa tersebut sebagai syādh atau dalil bahasa yang hanya perlu dihafal tetapi tidak boleh dijadikan sebagai qiyās.

Sehubungan dengan itu, dalam Aliran Nahu Basrah fungsi al-qiyās (الْقِيَاس)

telah dapat mengatasi fungsi al-samā' (السَّمَاع) dalam pengujahan kaedah nahu.

Oleh itu, ulama-ulama Aliran Nahu Basrah telah mentakwilkan dalil-dalil bahasa yang menyalahi kaedah qiyās yang telah mereka tetapkan. Selain itu, mereka juga menganggap dalil-dalil bahasa yang hanya wujud secara al-samā' sebagai syādh dari sudut al-qiyās.

Contohnya, seperti perkataan اسْتَحْوَذَ dan اسْتَصَوَّبَ adalah lafaz-lafaz yang syādh, kerana secara qiyāsnya kedua-dua perkataan tersebut sepatutnya mengalami kaedah al-i'āl (الْاِعْلَالُ) - iaitu perubahan yang berlaku ke atas salah satu daripada empat huruf, iaitu huruf wāw, alif, yā' dan hamzat bagi tujuan memudahkan sebutan) seperti yang berlaku pada perkataan-perkataan اسْتَقَالَ , اسْتَجَادَ dan اسْتَطَالَ .

Berhubung dengan perkara ini, mereka menyatakan bahawa perkataan-perkataan yang nadir (iaitu bentuk-bentuk perkataan yang jarang didengari) yang didengar daripada orang-orang Arab dalam bentuk ini hanya perlu dihafal, tetapi tidak boleh dihukumkan qiyās terhadapnya. Bagaimanapun, terdapat juga sebahagian daripada mereka yang menghukumkan qiyās kepada perkataan-perkataan yang nadir tersebut. Oleh itu, sebutan اسْتَحَاذَ dan اسْتَصَابَ adalah tepat.

Antara tokoh utama Aliran Nahu Basrah ialah Ibn Abī Ishāq al-Ḥaḍramīy, ʿIsā bin ʿUmar al-Thaqafīy, Abū ʿAmr bin al-ʿAllā, Yūnus bin Ḥabīb, Qutrub, Abū ʿUmar al-Jaramīy, Abū ʿUthmān al-Māzinīy, al-Mubarrad, al-Zajjāj, Ibn al-Sarrāj, al-Sīrafīy, al-Khalīl bin Aḥmad dan Sībawayh".

Oleh kerana Aliran Nahu Basrah lebih mengutamakan kaedah al-qiyās berbanding kaedah al-samāʿ, maka secara umumnya Aliran Nahu Basrah mempunyai ciri-ciri yang antaranya adalah seperti berikut :-

- 1) Gejala pentakwilan yang banyak dalam penghujahan kaedah nahu.
- 2) Unsur-unsur falsafah yang banyak dalam kaedah nahu.
- 3) Penyampaian kaedah nahu yang kompleks dan sukar difahami.

Antara contoh yang menunjukkan Aliran Nahu Basrah mempunyai ciri-ciri seperti yang tersebut di atas jelas sekali dapat dilihat dalam buku "*al-Inṣāf Fī Masā'il al-Khilāf*" oleh al-Anbārīy. Buku ini membincangkan bentuk-bentuk perselisihan antara ulama-ulama Aliran Nahu Basrah dan ulama-ulama Aliran Nahu Kufah yang mencapai sehingga 121 bentuk perselisihan.

Bagaimanapun, sebelum kita melihat sebahagian daripada contoh-contoh tersebut selepas ini, adalah lebih baik kita meninjau terlebih dahulu secara ringkas tentang pertumbuhan, perkembangan dan ciri-ciri Aliran Nahu Kufah yang menjadi saingan kepada Aliran Nahu Basrah ini.

2.2.2 Aliran Nahu Kufah

Menurut Maysyāl `Āṣī dalam bukunya "*al-Mu`jam al-Mufaṣṣal Fī al-Lughat Wa al-Adab*" (1987 : 2 / 1131) yang bermaksud : "*Perkataan Basrah tidak akan disebut kecuali jika perkataan Kufah disebut bersama-samanya. Walaupun Aliran Nahu Basrah mempunyai kelebihan dalam mengasaskan ilmu nahu dan pengajarannya kepada penduduk-penduduk Kufah, namun perkembangan ilmu nahu tetap merujuk kepada persaingan yang hebat antara kedua-dua aliran nahu tersebut yang membawa kepada perselisihan yang banyak yang berkaitan dengan permasalahan bahasa Arab.*

Walaupun ulama-ulama Kufah mempelajari ilmu nahu daripada ulama-ulama Basrah, tetapi mereka kemudiannya menggunakan metod yang tersendiri sehingga kita hampir-hampir mendapati terdapat dua aliran dalam setiap masalah nahu, iaitu Aliran Nahu Basrah dan Aliran Nahu Kufah. Dalam hal ini, ulama-ulama Kufah telah membentuk aliran nahu mereka yang tersendiri yang bercirikan periwayatan puisi dan ungkapan orang-orang Arab yang dilakukan dengan begitu meluas sekali sehingga meliputi semua orang Arab yang tinggal di kampung dan juga di bandar,

sedangkan ulama-ulama Basrah mengelak daripada mengambil dalil-dalil bahasa daripada orang-orang Arab yang tinggal di bandar-bandar di Iraq.

Oleh itu, ulama-ulama nahu Kufah telah menyalahi ulama-ulama nahu Basrah dalam masalah al-qiyās dan penentuan kaedah-kaedah nahu. Dalam hal ini, ulama-ulama nahu Basrah telah mensyaratkan bahawa dalil-dalil bahasa yang digunakan dalam al-qiyās mestilah diucapkan serta digunakan dengan meluas oleh orang-orang Arab, iaitu dalil bahasa yang mencerminkan sebaik-baik contoh bahasa Arab baku.

Manakala, ulama-ulama nahu Kufah pula mengguna pakai ungkapan dan puisi orang-orang Arab yang tinggal di bandar selain daripada ungkapan-ungkapan dan puisi-puisi yang mereka dengar daripada orang-orang Arab yang fasih yang disifatkan oleh ulama-ulama nahu Basrah sebagai dalil-dalil bahasa yang syādh.

Justeru itu, ada pendapat yang mengatakan bahawa "sekiranya ulama-ulama nahu Kufah mendengar satu bait puisi yang mengandungi dalil bahasa yang menyalahi kaedah dasar, nescaya mereka akan mengharuskan perkara tersebut lalu menjadikannya sebagai kaedah dasar serta mengkhususkannya di dalam satu bab". Keadaan ini telah mendorong ulama-ulama nahu Kufah memasukkan kaedah-kaedah cabang (kaedah-kaedah yang khusus) ke dalam kaedah-kaedah yang umum. Justeru itu, hal inilah yang menyebabkan penguasaan Aliran Nahu Basrah ke atas aliran-aliran nahu yang lain dan nahu pendidikan (yakni penggunaan nahu untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran).

Selain itu, ulama-ulama nahu Kufah juga menyalahi ulama-ulama nahu Basrah dalam masalah kata dasar bagi fenomena isytiqāq (terbitan), penyebab-

penyebab kepada fenomena-fenomena i'rāb (infleksi) di samping mempunyai istilah-istilah nahu yang tersendiri. Antara ulama Aliran Nahu Kufah yang masyhur ialah al-Kisā'iyy, Hisyām bin Mu'āwīyyat, al-Farrā' dan Abū Bakr al-Anbārīy. Al-Farrā' merupakan imam bagi Aliran Nahu Kufah sebagaimana Šibawayh adalah imam bagi Aliran Nahu Basrah".

Justeru itu, Aliran Nahu Kufah mempunyai ciri-ciri yang bertentangan dengan Aliran Nahu Basrah. Antara ciri tersebut ialah :-

- 1) Kurangnya fenomena pentakwilan dalam penghujahan kaedah nahu.
 - 2) Kurangnya unsur-unsur falsafah dalam kaedah nahu.
 - 3) Penyampaian kaedah nahu yang ringkas dan mudah difahami.
- (Mohd. Hilmi bin Abdullah, 1997 : 97 - 104).

Sebelum kita melihat beberapa contoh perbezaan antara Aliran Nahu Basrah dan Aliran Nahu Kufah seperti yang telah dinyatakan oleh al-Anbārīy dalam kitabnya "*al-Inṣāf Fī Masā'il al-Khilāf*", perlu dijelaskan di sini bahawa penulis tidak bercadang untuk memanjangkan kajian ini dengan mengemukakan hujah-hujah kedua-dua belah pihak dalam usaha menegakkan pendapat masing-masing (kecuali yang difikirkan perlu sahaja). Ini kerana kajian ini tidak bertujuan untuk mencari kebenaran antara kedua-dua belah pihak berkenaan. Justeru itu, kajian ini tidak memihak kepada salah satu daripada dua aliran nahu tersebut.

A510823102

1) Dalam perselisihan yang berkaitan dengan masalah *nāsib* (نَاصِب) -
agen akusatif) kepada *fi'l mudāri'* (kata kerja kala kini) yang terletak selepas
"Lām" *al-Ta'īl* ("Lām" Keterangan Sebab), *al-Anbāriy* (1961 : 2 / 575) telah
menyebut yang bermaksud :-

*"Ulama-ulama Aliran Nahu Kufah berpendapat bahawa nāsib kepada fi'l
mudāri' ialah "Lām" al-Ta'īl atau disebut juga sebagai "Lām" Kay (لَامُ كَيْ), seperti
contoh ini :- جِئْتُكَ لِتُكْرِمَنِي (yang bermaksud : "Aku datang kepada kamu agar kamu
menghormati aku") , manakala ulama-ulama Aliran Nahu Basrah pula mengatakan
bahawa nasib tersebut ialah partikel "An" (أَنْ) yang diandaikan (yakni ditakwilkan
wujud) selepas "Lām" al-Ta'īl tersebut".*

2) Begitu juga dalam perselisihan yang berkaitan dengan *nāsib fi'l
mudāri'* yang terletak selepas partikel "*Hattā*" (حَتَّى). Ulama-ulama Aliran
Nahu Kufah mengatakan bahawa partikel "*Hattā*" adalah agen akusatif yang
telah mengakusatifkan *fi'l mudāri'* seperti contoh yang berikut :-

وَأَذْكُرِ اللَّهَ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ , yang bermaksud : "*Berzikirlah kepada Allah sehingga
matahari terbit*".

Walaupun pendapat Aliran Nahu Kufah ini mudah dan tidak perlu
kepada sebarang pentakwilan, tetapi ulama-ulama Aliran Nahu Basrah tetap

mentakwilkan wujudnya "An al-Mudmarat" (أَنْ الْمُضْمَرَةُ) atau "An" yang tersembunyi yang terletak selepas "Hattā" sebagai penyebab kepada gejala akusatif fi'l mudāri' tersebut (al-Anbāriy, 1967 : 2 / 597).

3) Begitu juga dalam perselisihan yang berkaitan dengan sebab raf' (nominatif) pada fi'l mudāri', al-Anbāriy (1961 : 2 / 550) telah menyebut yang bermaksud : *"Kebanyakan ulama Aliran Nahu Kufah (kecuali al-Kisā'iy) berpendapat bahawa sebab fi'l mudāri' dibaca dengan raf' seperti contoh berikut :-*
 يَقُومُ زَيْدٌ ، وَيَذْهَبُ عَمْرُو (yang bermaksud : "Zaid bangun dan 'Amr pergi") ialah kerana tiadanya nāsib (agen akusatif) dan jāzim (agen jusif) yang mendahului, manakala ulama-ulama Aliran Nahu Basrah pula mengatakan sebabnya ialah kerana kata kerja tersebut mengambil tempat kata nama".

Untuk menegakkan pendapat mereka ini, ulama-ulama Aliran Nahu Basrah telah mengemukakan dua sebab yang berbau falsafah (al-Anbāriy, 1961 : 2 / 552), iaitu :-

- 1) Jika kata nama yang menjadi muḥtadā' (subjek) wajib dibaca dengan marfū' (nominatif), begitu juga dengan fi'l mudāri'. Ini kerana kedudukan fi'l mudāri' yang menggantikan tempat kata nama merupakan faktor ma'nawī (bukan berbentuk lafaz).
- 2) Kedudukan fi'l mudāri' yang mengambil tempat kata nama merupakan kedudukan yang paling baik keadaannya. Oleh itu, kata kerja tersebut layak dibaca dengan raf' .

Setelah kita meneliti perbezaan antara Aliran Nahu Basrah dengan Aliran Nahu Kufah, wajar pula kita meninjau aliran nahu yang wujud selepas kedua-dua aliran nahu berkenaan. Aliran nahu tersebut ialah Aliran Nahu Baghdad, iaitu aliran nahu yang diwakili oleh al-Zamakhshariy.

2.2.3 Aliran Nahu Baghdad

Menurut Maysāl `Āṣī dalam bukunya "*al-Mu`jam al-Mufaṣṣal Fī al-Lughat Wa al-Adab*" (1987 : 2 / 1130) yang bermaksud : "*Ilmu nahu telah lahir dan berkembang seterusnya menjadi matang dan kukuh di tangan ulama-ulama Aliran Nahu Basrah dan Aliran Nahu Kufah. Tetapi Aliran Nahu Basrah telah mendapat populariti yang lebih di samping persaingan yang hebat daripada Aliran Nahu Kufah.*

Pada masa Aliran Nahu Kufah diketuai oleh Abū al-`Abbās Aḥmad bin Yahyā Tha`lab dan Aliran Nahu Basrah pula dipimpin oleh Muḥammad bin Yazīd al-Mubarrad, kedua-dua ulama nahu tersebut telah berpindah ke Baghdad untuk mengajar. Semasa mereka berada di Baghdad, banyak berlaku konflik dan perdebatan antara kedua-dua ulama tersebut.

Perdebatan-perdebatan tersebut telah diikuti oleh ulama-ulama Baghdad di mana mereka telah memilih mana-mana pendapat yang sesuai pada pandangan mereka sama ada daripada Aliran Nahu Kufah atau pun Aliran Nahu Basrah. Justeru

itu, lahirlah Aliran Nahu Baghdad yang berdasarkan prinsip pemilihan dan penilaian terhadap kedua-dua aliran nahu tersebut.

Aliran Nahu Baghdad mula menampakkan metodenya yang tersendiri apabila bermulanya kurun ke-4 Hijrah. Metod yang dimaksudkan itu bukanlah metod yang baru dari sudut dasar atau pun kaedah penghujahan, tetapi metod yang didasarkan kepada penilaian dan ulasan-ulasan yang pada suatu ketika sangat cenderung kepada Aliran Nahu Kufah dan pada ketika yang lain pula memihak kepada Aliran Nahu Basrah.

Hal ini kerana ulama-ulama Aliran Nahu Baghdad mendapati dasar-dasar ilmu nahu serta kaedah-kaedah dan istilah-istilah yang digunakan telah pun lengkap di sisi ulama-ulama Aliran Nahu Basrah dan Aliran Nahu Kufah. Justeru itu, yang tinggal lagi hanyalah ulasan-ulasan kepada kaedah-kaedah tersebut".

Menurut Muhammad al-Tantāwīy (1987 : 149), Aliran Nahu Baghdad mula merosot setelah kerajaan 'Abbāsiyyat dikuasai oleh Bani Buwayh pada pertengahan kurun ke-4 Hijrah. Zaman kemerosotan ini dianggap sebagai tahap pemisah antara golongan mutaqaḍḍimīn (ulama-ulama nahu yang terdahulu) dengan golongan muta'akhhirīn (ulama-ulama nahu yang terkemudian). Oleh itu, ulama-ulama Aliran Nahu Baghdad terbahagi kepada dua golongan, iaitu golongan mutaqaḍḍimīn dan golongan muta'akhhirīn.

Ulama-ulama Aliran Nahu Baghdad daripada golongan mutaqaḍḍimīn terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan yang lebih cenderung kepada Aliran Nahu Kufah dan kumpulan yang lebih cenderung kepada Aliran Nahu

Basrah. Kumpulan yang lebih cenderung kepada Aliran Nahu Kufah merupakan ulama-ulama Aliran Nahu Baghdad daripada generasi yang pertama. Hal ini berlaku kerana pada masa itu ulama-ulama Aliran Nahu Kufah mempunyai pengaruh yang sangat kuat di kota Baghdad. Antara ulama daripada kumpulan ini ialah Ibn Kaysān, Ibn Syuqayr dan Ibn al-Khayyāt.

Setelah pengaruh Aliran Nahu Kufah mulai berkurangan, barulah Aliran Nahu Basrah dapat menguasai pemikiran nahu pada masa itu. Antara ulama Aliran Nahu Baghdad (daripada golongan mutaqqaddimīn) yang lebih cenderung kepada Aliran Nahu Basrah ialah Al-Zujājīy, Abū `Alī al-Fārisīy dan Ibn Jinnī (Syawqī Dayf, 1999 : 246 - 247).

Bagaimanapun, Muḥammad al-Ṭantāwīy (1987 : 150) telah memasukkan Abū `Alī al-Fārisīy, Abū Sa`īd al-Sīrāfīy dan Ibn Khālawayh (termasuk juga Ibn Jinnī) ke dalam kategori golongan muta'akhhirīn di peringkat yang pertama. Hal ini kerana Muḥammad al-Ṭantāwīy telah menggolongkan para ulama muta'akhhirīn itu sebagai ulama-ulama yang masih hidup selepas pertengahan kurun ke-4 Hijrah di samping mereka sempat bergaul dengan ulama-ulama yang muncul selepas itu. Al-Fārisīy meninggal pada tahun 377 H, al-Sīrāfīy pada tahun 368 H, Ibn Khālawayh pada tahun 370 H dan Ibn Jinnī pada tahun 392 H.


Menurut Syawqī Dayf (1999 : 277), antara ulama Aliran Nahu Baghdad daripada golongan muta'akhhirīn ialah al-Zamakhsharīy, Ibn al-Syajarīy, Abū al-Barakāt al-Anbārīy, Abū al-Baqā' al-`Ukbarīy, Ibn Ya`īsy dan

al-Raḍīy al-Istarābādhiy. Selain beberapa ulama yang dikenal pasti cenderung kepada Aliran Nahu Kufah seperti Ibn Khālawayh dan al-ʿUkbarīy, kebanyakan ulama Aliran Nahu Baghdad daripada golongan muta'akhhirīn lebih cenderung kepada Aliran Nahu Basrah termasuk al-Zamakhshariy.

Daripada penerangan di atas, kedudukan ulama-ulama Aliran Nahu Baghdad boleh diringkaskan seperti rajah berikut :-

RAJAH 1

Pembahagian Ulama Aliran Nahu Baghdad



2.2.4 Ciri-Ciri Aliran Nahu Baghdad

Oleh kerana Aliran Nahu Baghdad wujud berdasarkan penilaian dan ulasan-ulasan terhadap Aliran Nahu Basrah dan Aliran Nahu Kufah, maka pendapat-pendapat daripada aliran nahu ini sama ada secara umum atau pun

secara khusus - yang berdasarkan pendapat-pendapat ulama-ulama tersebut
- boleh dikategorikan kepada tiga bentuk yang berikut :-

- 1) Pendapat-pendapat yang memihak kepada Aliran Nahu Basrah.
- 2) Pendapat-pendapat yang memihak kepada Aliran Nahu Kufah.
- 3) Pendapat-pendapat yang tersendiri tanpa terikat kepada mana-mana dua aliran nahu tersebut.

Oleh itu, sebelum kita melihat pendapat-pendapat al-Zamakhshariy yang merujuk kepada ketiga-tiga bentuk berkenaan, ada baiknya kita melihat terlebih dahulu secara ringkas pendapat-pendapat Aliran Nahu Baghdad sama ada secara umum atau pun yang dikemukakan oleh ulama-ulama Aliran Nahu Baghdad yang selain daripada al-Zamakhshariy. Hal ini kerana semua ulama Aliran Nahu Baghdad, sama ada yang cenderung kepada Aliran Nahu Basrah atau pun yang cenderung kepada Aliran Nahu Kufah mempunyai ketiga-tiga bentuk pemikiran nahu berkenaan walaupun salah satu atau dua daripada tiga bentuk yang tersebut wujud dalam jumlah yang sedikit.

Pendapat ulama-ulama Aliran Nahu Baghdad yang memihak kepada Aliran Nahu Basrah sememangnya banyak memandangkan kebanyakan daripada mereka lebih cenderung kepada Aliran Nahu Basrah.

- 1) Antaranya ialah dalam masalah agen akusatif terhadap fi'l mudari' yang terletak selepas "Lām" al-Ta'īl. Dalam hal ini, Ibn Kaysān - iaitu salah seorang ulama Aliran Nahu Baghdad daripada golongan mutaqaddimīn -

memihak kepada Aliran Nahu Basrah yang menganggap agen akusatif yang dimaksudkan ialah "An" al-Mudmarat yang terletak selepas "Lām" al-Ta'īl tersebut. Ini kerana "An" al-Mudmarat kadang-kadang berbentuk zahir seperti contoh :- جِئْتُ لِأَنَّ أَكْرَمَكَ (yang bermaksud : "Aku datang untuk memuliakan kamu").

Dalam contoh di atas, kata kerja أَكْرَمَكَ bersifat akusatif melalui partikel "An" sebelumnya yang berbentuk zahir. Oleh itu, partikel tersebut tetap berfungsi ke atas kata kerja tersebut walaupun ketika ia berbentuk mudmarat (tersembunyi) (Syawqī Dayf, 1999 : 249).

2) Persetujuan ulama Aliran Nahu Baghdad terhadap Aliran Nahu Basrah juga boleh dilihat dalam masalah agen nominatif pada muḥtadā' (subjek). Dalam masalah ini, al-Anbārīy (1961 : 1 / 44) telah menyebut yang bermaksud : "Ulama-ulama Aliran Nahu Kufah berpendapat bahawa muḥtadā' bersifat nominatif disebabkan oleh khabar (predikat) yang mengiringinya dan khabar pula bersifat nominatif disebabkan oleh muḥtadā'.

Oleh itu, kedua-duanya merupakan agen nominatif terhadap satu sama lain seperti contoh :- زَيْدٌ أَخُوكَ ، وَعَمْرٌو غُلَامُكَ (yang bermaksud : "Zaid itu saudara kamu dan 'Amr pula ialah budak suruhan kamu"). Manakala, ulama-ulama Aliran Nahu Basrah pula berpendapat bahawa muḥtadā' bersifat nominatif disebabkan oleh fenomena ibtidā' (iaitu kedudukannya di permulaan ayat) ...".

Menurut Syawqī Dayf (1999 : 279), al-'Ukbarīy - iaitu salah seorang ulama Aliran Nahu Baghdad daripada golongan muta'akhhkhīrīn - telah memihak kepada Aliran Nahu Basrah dalam masalah ini. Malah al-'Ukbarīy juga turut mengkritik pendapat Aliran Nahu Kufah dalam beberapa bentuk analisis mereka terhadap beberapa ayat al-Quran (yang dijadikan hujah oleh ulama-ulama Aliran Nahu Kufah untuk menegaskan pendapat mereka).

3) Antara contoh persetujuan Aliran Nahu Baghdad terhadap Aliran Nahu Kufah pula ialah dalam masalah al-nidā' (seruan) kepada kata nama yang mempunyai "Alif Lām" Mu'arrifat (iaitu "Alif Lām" yang berfungsi menjadikan sesuatu kata nama itu sebagai kata nama khas).

Menurut al-Anbarīy (1961 : 1 / 335) yang bermaksud : "*Ulama-ulama Aliran Nahu Kufah mengharuskan al-nidā' kepada kata nama yang mempunyai "Alif Lām" seperti contoh :- يَا الرَّجُلُ وَيَا الْعُلَامُ* (yang bermaksud : "*Wahai lelaki dan wahai kanak-kanak*"), manakala ulama-ulama Aliran Nahu Basrah pula tidak mengharuskannya".

Antara hujah yang dikemukakan oleh ulama-ulama Aliran Nahu Kufah ialah dua bait puisi yang berikut, iaitu :-

فَيَا الْعُلَامَانَ اللَّذَانِ فَرَا * إِيَّاكُمَا أَنْ تُكْسِبَانِي شَرًّا

yang bermaksud : "*Wahai dua orang kanak-kanak yang telah melarikan diri, berjaga-jagalah agar kamu berdua tidak menyebabkan diriku ditimpa keburukan*".

dan bait puisi :- فَدَيْتُكَ يَا الَّتِي تَيْمَتِ قَلْبِي * وَأَنْتِ بَخِيلَةٌ بِالْوَدِّ عَنِّي

yang bermaksud : "Aku telah membebaskan dirimu wahai wanita yang telah menjauhkan hatiku. Ini kerana kamu bakhil dengan kasih sayang terhadapku".

Dalam bait puisi di atas, perkataan الْعَلَّامَانِ dan الَّتِي masing-masing bersifat ma`rifat melalui "Alif Lām" Mu`arrifat, sedangkan kedua-duanya telah didahului oleh harf al-nidā' يَا. Ini membuktikan bahawa al-nidā' kepada kata nama yang mempunyai "Alif Lām" Mu`arrifat adalah harus.

Manakala, ulama-ulama Aliran Nahu Basrah pula tidak mengharuskannya kerana berpegang kepada falsafah yang menyebut "tidak harus ada dua tanda ma`rifat dalam satu perkataan". Hal ini kerana "Alif Lām" Mu`arrifat berfungsi sebagai tanda ma`rifat, begitu juga dengan huruf nidā' "yā" ( يَا ). Oleh itu, "Alif Lām" Mu`arrifat dan huruf nidā' "yā" tidak boleh berhimpun dalam satu perkataan yang sama.

Menurut al-Asymūniy (T. T. : 3 / 145) yang bermaksud : "*Pendapat Aliran Nahu Kufah ini telah disokong oleh ulama-ulama Aliran Nahu Baghdad*".

4) Begitu juga dalam masalah Ism al-Maṣḍar (Kata Nama Sumber) yang berfungsi sebagai kata kerja. Menurut Muḥammad al-Ṭantāwīy (1987 : 114) yang bermaksud : "*Hujah ulama-ulama Aliran Nahu Kufah yang mengatakan*

bahawa *Ism al-Masdar* boleh berfungsi sebagaimana kata kerja sememangnya banyak. Antaranya ialah sabda Rasulullah s.a.w. :- *مِنْ قُبْلَةِ الرَّجُلِ امْرَأَتُهُ الْوُضُوءُ* yang bermaksud : "Antara sebab wuduk ialah ciuman suami terhadap isterinya" dan bait puisi daripada *al-Qutāmiy* :-

أَكْفَرًا بَعْدَ رَدِّ الْمَوْتِ عَنِّي * وَبَعْدَ عَطَائِكَ الْمِائَةَ الرَّثَاغَا

yang bermaksud : "Adakah kamu ingkar selepas aku terselamat daripada kematian dan selepas kamu memberi seratus orang pengembala ?".

Bagaimanapun, ulama-ulama Aliran Nahu Basrah menolak dalil-dalil bahasa berkenaan kerana mereka menolak penghujahan yang berdasarkan *hadith* Nabi s.a.w. dan menjustifikasikan bait puisi di atas tadi sebagai fenomena *darūrat al-syi'r* (iaitu keadaan bait puisi yang terpaksa mengikut rentak pola-pola puisi yang tertentu, walaupun dalam keadaan yang menyalahi kaedah bahasa / kelonggaran hukum bahasa dalam puisi).

Dalam contoh di atas, perkataan *قُبْلَةَ* dan *عَطَائِكَ* masing-masing adalah *Ism al-Masdar* yang telah berfungsi sebagaimana kata kerja. Ini kerana perkataan *قُبْلَةَ* telah berfungsi mengakusatifkan perkataan *امْرَأَتُهُ* dan perkataan *عَطَائِكَ* telah berfungsi mengakusatifkan perkataan *الْمِائَةَ* .

Menurut Ibn Hisyām (T. T. : 412 dan T. T. : 3 / 211), pendapat Aliran Nahu Kufah ini turut disokong oleh ulama-ulama Aliran Nahu Baghdad.

Ulama-ulama Aliran Nahu Baghdad, selain menyatakan sokongan mereka sama ada kepada Aliran Nahu Kufah atau pun Aliran Nahu Basrah, mereka juga kadang-kadang mengemukakan pendapat mereka yang tersendiri yang tidak memihak kepada mana-mana satu daripada dua aliran nahu tersebut. Antara pendapat tersebut ialah seperti yang dijelaskan oleh Muhammad al-Tantāwīy (1987 : 147) dalam masalah-masalah yang berikut :-

5) "An" al-Mukhaffafat (أَنْ الْمُخَفَّفَةُ - iaitu "An" yang diringankan daripada bentuk asalnya yang bersabdu) harus berada berdekatan dengan fi'l mutasarrif (kata kerja yang menerima perubahan).

Menurut al-Radīy (T. T. : 2 / 234) yang bermaksud : *"Al-Mubarrad meriwayatkan bahawa ulama-ulama Aliran Nahu Baghdad telah menyebut :-*

عَلِمْتُ أَنْ تَخْرُجَ (yang bermaksud : *"Saya tahu kamu keluar"*) iaitu dengan menominatiskan kata kerja تَخْرُجُ ". Dalam contoh ini, partikel "An" (أَنْ) terletak berdekatan dengan kata kerja تَخْرُجُ yang dibaca secara nominatif. Hal ini membuktikan bahawa partikel "An" tersebut ialah "An" al-Mukhaffafat dan bukannya partikel "An" yang berfungsi mengakusatifkan fi'l mudā'iri`.

6) Ism "Lā" al-Nāfiyat lil Jins (kata nama bagi "Lā" yang berfungsi menafikan jenis) harus wujud dalam bentuk mabniy (iaitu bentuk yang tidak

menerima perubahan) walau pun ia mempunyai hubungan dengan *zarf* (kata keterangan masa atau tempat) dan *al-jārr* (agen genetif).

Menurut al-Radiy (T. T. : 1 / 257) yang bermaksud : "*Abū `Alī al-Fārisīy telah meriwayatkan daripada ulama-ulama Aliran Nahu Baghdad bahawa mereka mengharuskan al-jārr dan zarf seperti contoh :- لَا أَمْرَ بِالْمَعْرُوفِ* (yang bermaksud : "Tidak ada sesiapa pun yang menyuruh berbuat kebaikan") dan firman Allah dalam surah Hūd ayat yang ke-43, iaitu :- لَا عَاصِمَ الْيَوْمَ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ (yang bermaksud : "Hari ini tidak ada sesuatu pun yang akan dapat melindungi dari azab Allah) menjadi *ṣilat* (penghubung) kepada *al-manfiy al-mabniy* (iaitu kata nama yang dibaca dengan *binā'* yang dinafikan oleh "*Lā*" *al-Nāfiyat lil Jins*)".

Dalam kedua-dua contoh di atas tadi, yang dimaksudkan dengan *al-jārr* ialah huruf "*Bā*" pada perkataan بِالْمَعْرُوفِ . Manakala, *zarf* pula ialah perkataan الْيَوْمَ . Kedua-dua *al-jārr* dan *zarf* tersebut masing-masing merupakan *ṣilat* kepada Ism "*Lā*" *al-Nāfiyat lil Jins*, iaitu أَمْرٌ dan عَاصِمٌ . Walaupun begitu, kedua-dua Ism "*Lā*" *al-Nāfiyat lil Jins* tersebut harus dibaca dalam bentuk *mabniy*, iaitu secara *fath* (baris di atas).

Contoh-contoh pendirian yang diambil oleh Aliran Nahu Baghdad terhadap Aliran Nahu Basrah dan Aliran Nahu Kufah itu boleh kita lihat dalam jadual yang berikut :-

JADUAL 1

Contoh-Contoh Pendirian Aliran Nahu Baghdad Terhadap Aliran Nahu

Basrah dan Aliran Nahu Kufah

No.	Contoh-Contoh Masalah Nahu	Pendirian Aliran Nahu Baghdad
1)	Agen akusatif fi'l mudāri' yang terletak selepas "Lām al-Ta'īl"	Menyokong Aliran Nahu Basrah
2)	Agen nominatif terhadap muftada'	Menyokong Aliran Nahu Basrah
3)	Al-Nidā' kepada kata nama yang mempunyai "Alif Lām" Mu'arrifat	Menyokong Aliran Nahu Kufah
4)	Ism al-Masdar berfungsi sebagai kata kerja	Menyokong Aliran Nahu Kufah
5)	Keharusan "An" al-Mukhaffafat berada berhampiran dengan fi'l mutasarrif	Mempunyai pendirian yang tersendiri
6)	Ism "Lā" al-Nāfiyat lil Jins yang mempunyai hubungan dengan zarf dan al-jarr harus berbentuk mabniy	Mempunyai pendirian yang tersendiri

2.3 Penutup

Melalui perbincangan dalam Bab Kedua ini, dapatlah disimpulkan bahawa al-Zamakhshariy tergolong dalam kategori ulama Aliran Nahu Baghdad daripada golongan muta'akhhirin yang lebih cenderung kepada Aliran Nahu Basrah. Oleh itu, pemikiran nahu yang cuba diketengahkan oleh al-Zamakhshariy dalam kitab tafsir beliau al-Kasasyaf kebanyakannya adalah

memihak kepada Aliran Nahu Basrah, di samping ia turut mengandungi beberapa pendapat yang memihak kepada Aliran Nahu Kufah dan pendapat-pendapat beliau yang tersendiri. Kesemua bentuk pemikiran nahu ini akan dibincangkan secara terperinci dalam Bab Kelima nanti.